

**BAHAGIAN A
(50 MARKAH)**

1. Siapakah nama bapa saudara yang sangat dicintai oleh Nabi SAW, namun di akhir kehidupannya tetap tidak mengucapkan dua kalimah shahadah?

A. Abdul Mutalib
B. Abdulah
C. Abu Jahal
D. Abu Talib

"Penghormatan jenazah adalah perlu tanpa mengira status agama."

2. Kenyataan di atas adalah

A. Tidak benar
B. Salah
C. Benar
D. Sesat

3. Siapakah nama tokoh sahabat yang telah menganut pelbagai jenis agama sebelum diberi hidayah untuk memeluk Agama Islam?

A. Saiyyidina Bilal Bin Rabah
B. Saiyyidina Salman Al-Farisi
C. Saiyyidina Ali Bin Abi Thalib
D. Saiyyidina Uthman Bin 'Affan

4. Hukum menghadiri upacara pengebumian jenazah keluarga yang belum Islam dengan niat menziarahi jenazah dan berkongsi kesedihan dengan ahli keluarga yang lain adalah

A. Haram
B. Wajib
C. Harus
D. Sunat

5. Dalam Islam, hukum mendoakan keampunan bagi jenazah ibu bapa atau keluarga yang belum memeluk agama Islam adalah
- A. Haram
 - B. Harus
 - C. Sunat
 - D. Tidak harus
6. Anak yang lahir daripada pernikahan pasangan bukan Muslim sebelum keislaman mereka ialah anak yang _____ dari sudut undang-undang dan juga hukum syarak.
- A. Setaraf
 - B. Sah taraf
 - C. Tidak sah taraf
 - D. Samar-samar taraf
7. Apakah status perkahwinan pasangan suami isteri apabila salah seorang memeluk agama Islam.
- A. Terbatal secara mutlak
 - B. Terbatal kecuali dalam masa 3 bulan isteri atau suami mengikut jejak langkah pasangan memeluk agama Islam
 - C. Tidak terbatal
 - D. Ragu-ragu
8. Apakah hukum perkahwinan antara Muslim dan bukan Muslim yang berminat dengan Islam?
- A. Harus
 - B. Sunat
 - C. Makruh
 - D. Tidak Harus

9. Secara asanya apakah agama anak yang kecil apabila salah seorang ibu bapanya memeluk agama Islam?
- A. Mengikut agama ibunya sehinggalah anak tersebut baligh dan berhak untuk membuat keputusan sendiri
 - B. Mengikut agama bapanya sehinggalah anak tersebut baligh dan berhak untuk membuat keputusan sendiri
 - C. Boleh memilih mana-mana agama mengikut persetujuan ibu bapa
 - D. Tidak perlu mempunyai sebarang agama sehinggalah anak tersebut baligh dan berakal untuk membuat keputusan sendiri
10. Menurut Mazhab Syafie, hak penjagaan ketika anak masih kecil mestilah memenuhi syarat utama dalam Islam iaitu
- A. Penjaga mestilah kaya
 - B. Penjaga mestilah seorang Muslim
 - C. Penjaga mestilah mempunyai keperluan asas yang cukup
 - D. Penjaga mestilah mempunyai pertalian dengan ibu bapa anak tersebut
11. Hukum nafkah kepada anak bagi suami yang telah memeluk agama Islam
- A. Wajib
 - B. Sunat
 - C. Harus
 - D. Haram
12. Hukum pembahagian harta secara faraid tidak boleh diagihkan kepada ahli waris yang bukan Muslim. Namun terdapat kaedah lain yang boleh dilakukan iaitu seperti wasiat. Apakah kadar wasiat yang dibenarkan untuk diagihkan kepada keluarga yang bukan Muslim?
- A. Boleh melebihi satu per tiga
 - B. Semua harta boleh diwasiatkan
 - C. Mestilah tidak melebihi satu per tiga
 - D. Mestilah tidak melebihi satu per dua

13. Berfesyen dalam Islam adalah harus atas sebab-sebab berikut **kecuali**
- A. Pakaian tersebut tidak ketat
 - B. Pakaian tersebut tidak nipis
 - C. Pakaian tersebut tidak mempunyai unsur *tabarruj*
 - D. Pakaian tersebut dijahit oleh orang bukan Muslim
14. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep 'bertakah' dalam perbahasan fiqh berpakaian?
- A. Berpakaian dengan pakaian yang sangat labuh
 - B. Berpakaian menutup aurat secara perlahan-lahan dan sedikit demi sedikit
 - C. Tidak berpakaian menutup aurat semasa berada bersama keluarga asal yang bukan Muslim
 - D. Memakai pakaian adat agama yang dianutinya sebelum memeluk Islam
15. Berapakah bahagian faraid suami yang kematian isterinya yang tidak mempunyai anak?
- A. Satu per dua
 - B. Satu per empat
 - C. Satu per tiga
 - D. Satu per lapan
16. Hukum hakam Islam ini adalah hukum-hukum yang menjaga kemaslahatan dan keperluan umatnya. Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan Islam dari segi bahasa?
- A. Indah
 - B. Suci
 - C. Bersih
 - D. Sejahtera

17. Apakah ilmu yang membahaskan tentang perwarisan harta pusaka?
- A. Ilmu Faraid
 - B. Ilmu Fiqh Muallaf
 - C. Ilmu Fiqh keluarga
 - D. Ilmu Fiqh Perkahwinan
18. Berikut merupakan harta yang tidak dikira sebagai harta pusaka **kecuali**
- A. Pencen terbitan
 - B. Faedah kematian
 - C. Wang derma ketika kematian
 - D. Wang pencen semasa hidup yang belum digunakan
19. Menurut Mazhab Syafie, aurat perempuan adalah seperti berikut
- A. Semua bahagian
 - B. Muka dan tapak tangan sahaja
 - C. Semua bahagian kecuali muka sahaja
 - D. Semua bahagian kecuali muka dan tapak tangan
20. Pakaian yang paling baik dalam Islam adalah
- A. Pakaian mahal
 - B. Pakaian Taqwa
 - C. Pakaian cantik
 - D. Pakaian murah tetapi berjenama

أَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ

21. Ayat di atas merupakan dalil bagi kewajipan menunaikan solat dan _____.
- A. Puasa
 - B. Berwudhuk
 - C. Zakat
 - D. Fidyah
22. Berikut merupakan golongan-golongan yang disebut sebagai golongan muallaf **kecuali**.
- A. Orang yang diharap keislamannya
 - B. Orang yang ditakuti kejahatannya
 - C. Orang yang baru memeluk agama Islam
 - D. Orang yang telah lama memeluk Islam
23. Apakah hukum bagi muallaf menggantikan ibadah zakat sebelum memeluk Islam?
- A. Wajib
 - B. Harus
 - C. Sunat
 - D. Tidak wajib
24. Para ulama bersepakat bahawa zakat harta tidak harus diberikan kepada golongan bukan Islam kerana
- A. Orang bukan Islam tidak layak mendapat harta orang Islam
 - B. Ibadah zakat ini bukan sekadar bantuan sosial semata-mata tetapi terdapat konsep ibadah melalui perlaksanaannya
 - C. Orang bukan Islam sudah kaya
 - D. Zakat adalah hak milik orang Islam sahaja

" Demi Allah! Sesungguhnya Nabi SAW memberi kepada saya sedangkan Baginda ialah insan yang paling saya benci.Maka, Baginda sentiasa memberi kepada saya hingga Baginda menjadi insan yang paling saya kasihi."

25. Ucapan di atas keluar daripada mulut sahabat Nabi SAW yang bernama
- A. Bilal Bin Rabah
 - B. Zubair Bin Al-Awwam
 - C. Sofwan Bin Umaiyah
 - D. Abu Bakar As-Siddiq
26. Punca yang menyebabkan berlakunya salah faham di antara saudara baru dan keluarga mereka adalah salah faham berkenaan masuk Islam adalah masuk _____.
- A. Melayu
 - B. Iban
 - C. India
 - D. China
27. Hukum menukarkan nama asal kepada nama yang lain adalah
- A. Wajib
 - B. Harus
 - C. Haram
 - D. Makruh
28. Berikut merupakan antara sikap-sikap segelintir muslim yang salah faham terhadap golongan muallaf **kecuali**
- A. Muallaf dihina kerana cuba memohon zakat
 - B. Muallaf dituduh memeluk Islam kerana ingin dapatkan bantuan kewangan semata-mata
 - C. Muallaf dituduh memeluk Islam atas faktor perkahwinan semata-mata
 - D. Muallaf dituduh memeluk Islam atas faktor hidayah daripada Allah SWT

29. Nabi SAW pernah menukarkan nama seorang wanita yang bernama 'Asiyah kepada nama Jamilah. Apakah maksud nama 'Asiyah dan Jamilah?

- A. 'Asiyah - Lembut , Jamilah - Hodoh
- B. 'Asiyah - Cantik , Jamilah - Baik
- C. 'Asiyah - Wanita yang melakukan maksiat , Jamilah - Cantik
- D. 'Asiyah - Cerdik , Jamilah - Pintar

30. Hukum tinggal bersama dengan keluarga yang berbeza agama selepas memeluk agama Islam adalah

- A. Sunat
- B. Harus
- C. Haram
- D. Makruh

31. Menurut pandangan mazhab syafi'e, Jilatan anjing _____ disamak.

- A. Wajib
- B. Perlu
- C. Tidak perlu
- D. Tidak wajib

"Ini orang sudah murtad. Baru masuk Islam dah murtad, entah - entah setiap hari makan babi."

32. Ayat seperti di atas biasanya kedengaran apabila segelintir masyarakat yang memandang serong terhadap

- A. Muallaf yang jahat
- B. Muallaf yang tinggalkan keluarga
- C. Muallaf yang derhaka terhadap ajaran Islam
- D. Muallaf yang masih tinggal bersama keluarga setelah memeluk Islam

33. Apakah hikmah digalakkan meletakkan penambahan nama Abdullah /bin/binti Abdullah kepada muallaf?
- A. Supaya tidak dikenali oleh keluarga asal yang belum beragama Islam
 - B. Memudahkan urusan permohonan zakat dan bantuan di Majlis Agama Islam
 - C. Memudahkan pengenalan identiti muallaf sebagai orang yang beragama Islam
 - D. Menghilangkan kaitan dan hubungan muallaf dengan keluarga yang bukan Muslim
34. Apabila muallaf tinggal bersama keluarga yang belum memeluk Islam, Adakah muallaf tersebut perlu menghapuskan berhala yang ada dirumahnya?
- A. Tidak perlu
 - B. Perlu
 - C. Wajib
 - D. Tidak wajib
35. Mengikut ajaran Islam, sebagai seorang anak, muallaf wajib mentaati dan berbuat baik kepada ibu bapa kecuali sekiranya mereka
- A. Mengajak kepada perkara yang diharamkan
 - B. Menyuruh melakukan perkara yang bertentangan dengan Akidah Islam
 - C. Menentang Islam
 - D. Tidak suka kepada Islam

"Tidakkah Allah menyuruh kamu berbuat baik. Demi Allah! Aku tidak akan makan apa-apa makanan dan aku tidak akan meneguk apa-apa minuman hingga aku mati atau kamu kembali kepada agama asal."

36. Ucapan di atas diungkapkan oleh ibu kepada Sahabat Nabi SAW yang bernama
- A. 'Ali Bin Abi Talib
 - B. 'Uthman Bin 'Affan
 - C. Saad Bin Abi Waqas
 - D. Bilal Bin Rabah